

kampus

7-Eleven rai 288 graduan

Perantis program sijil SLDN dirai 7-Eleven sempena majlis graduasi

SERAMAI 288 perantis dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada Majlis Konvokesyen Kali-2 bagi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) kerjasama antara 7-Eleven Malaysia dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dibawah Kementerian Sumber Manusia.

Pada majlis konvokesyen kali ini, 227 perantis telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 berbanding 81 perantis pada majlis konvokesyen kali pertama diadakan.

Manakala 61 perantis menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 berbanding hanya dua orang perantis pada majlis konvokesyen tahun lalu.

Lima perantis terbaik telah dipilih dari setiap wilayah dimana penerima sijil terbaik dinilai berdasarkan rekod sepanjang pembelajaran mereka iaitu penilaian teori dan praktikal terbaik, rekod kedatangan terbaik, rekod disiplin terbaik, prestasi kerja terbaik dan juga sumbangan tenaga kerja kepada syarikat latihan.

Antara penerima sijil perantis Terbaik Wilayah Pantai Timur ialah, Mohd. Khairul Hisham Ripin, Muhammad Solihin Abas (Perantis Terbaik Wilayah Selatan) dan Siti Nor Syuhada Md Said (Perantis Terbaik Wilayah Utara) dan Andy Jefri dan Abdul Aziz Md Salleh (Perantis Terbaik Wilayah Tengah).

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia, Gary Brown berkata, 7-Eleven Malaysia telah melancarkan program



GARY BROWN (tengah) bersama dengan sebahagian graduan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) pada Majlis Konvokesyen Kali-2 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

SLDN pada Jun 2011 sebagai langkah menyahut seruan kerajaan untuk menyediakan peluang belajar sambil berkerja di cawangan terpilih 7-Eleven Malaysia.

"Objektif utama program SLDN untuk mengukuhkan pembangunan modal insan dengan sistem pembelajaran bersepadu selari dengan kehendak industri peruncitan dan mengikut Piawaian Kemahiran Pekerjaan Nasional (NOSS), sebagaimana yang telah ditetapkan

oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (Kementerian Sumber Manusia)," katanya.

Sehingga 2014, 372 perantis 7-Eleven Malaysia dari Tahap 2 dan Tahap 3 telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke tahap Diploma Kemahiran Malaysia.

Pihak 7-Eleven Malaysia telah mendaftarkan 834 cawangan, 35 pusat latihan dan 761 Pengurus Stor (coach) untuk memberikan latihan kepada perantis.

Antara faedah-faedah yang disediakan

adalah yuran pendaftaran percuma, gaji bulanan, caruman KWSP dan Socso, bonus tahunan berdasarkan prestasi, insurans berkelompok dan peluang kenaikan pangkat.

Progra ini terbuka kepada semua golongan seawal usia 16 tahun, lepasan SPM dan juga kakitangan 7-Eleven yang sedia ada. Pengambilan di buka setiap bulan Mei dan November atau melalui e-mail study@7-eleven.com.my untuk sebarang pertanyaan.